

# SYOR DR. MAHATHIR

## Utamakan ahli sukan ketika ambil pekerja

KOTA BHARU, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat swasta mengutamakan ahli-ahli sukan ketika mengambil para pekerja.

Katanya, masih banyak syarikat swasta yang enggan menerima ahli-ahli sukan kerana bimbang tenaga sepenuhnya yang diharapkan dari mereka hanya tertumpu kepada kegiatan riadah.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan setiap pihak perlu memberikan sumbangan dan sedikit pengorbanan ke arah menegakkan nama negara menerusi sukan.

"Sukan merupakan satu aktiviti yang sangat penting dalam kehidupan harian kerana ia dapat membantu membentuk perwatakan, perpaduan masyarakat, rakyat yang berdisiplin serta berjiwa, kebangsaan," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika merasmikan Pesta Sukan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang keempat di Stadium Sultan Mohamad Keempat di sini, malam kelmarin.

Di samping itu, tambahnya, sukan juga merupakan satu alat ke arah mengharumkan nama negara di mata dunia luar.

Katanya, memandang bahu negara ini jauh ketinggalan dalam bidang sukan berbanding negara-negara jiran, semua pihak perlu menyediakan kemudahan-kemudahan untuk memberi peluang kepada pekerja bersukan.

Dalam keadaan perkembangan sains dan teknologi yang pesat sekarang, peluang rakyat mengadakan latihan jasmani amat kurang dan ini tentunya menghalang usaha-usaha membentuk satu masyarakat yang cergas.

Beliau yakin peranan yang dimainkan oleh semua pihak, negara akan dapat melahirkan jaguh-jaguh sukan yang boleh diketengahkan.

Hadir sama di majlis itu ialah Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Mohamad Yaacob, Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Besar Perlis, Datuk Haji Jaafar Hassan, dan ahli-ahli Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Upacara gilang-gemilang itu disaksikan oleh kira-kira 30,000 orang yang penuh sesak membanjiri stadium tersebut. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia